

Ketagihan judi mendorong jadi peragut

KUALA LUMPUR 18 Mei – Ketagihan judi boleh mendorong seseorang itu menjadi peragut ekoran terdesak untuk mendapatkan wang.



DR. SAPORA SIPON

Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Sapora Sipon

berkata, walaupun kadangkala individu

tersebut berasa bersalah dengan perbuatan yang dilakukannya tetapi akibat terdesak mereka terpaksa berbuat demikian.

“Walaupun ada kala rasa bersalah menghantui diri kerana terpaksa melakukan kerja-kerja kotor hanya memenuhi keinginan berjudi, meragut tetap dilakukan untuk mendapatkan wang. Inilah antara bahana ketagihan judi,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di siri baru-baru ini.

Selain itu, menurut beliau, mereka yang ketagihan judi turut sering terdorong untuk membunuh diri akibat tidak lagi berkeyakinan meneruskan kehidupan.

Jelas Sapora, kajian dari Wisconsin Policy Research Institute menyebut ramai kaki judi berkeinginan untuk mati.

Katanya, 75 peratus daripada subjek kajian pernah terfikir untuk membunuh diri manakala 55 peratus merancang bagaimana untuk menamatkan hidup mereka dan 23 peratus lagi pernah cuba membunuh diri.

Beliau memberitahu, antara masalah sosial yang berlaku kepada kaki judi ialah berhutang, hilang pekerjaan, terlibat dengan perlakuan jenayah dan sering bersikap tidak jujur.

“Kaki judi juga terdorong untuk mengabaikan rumah tangga, mendera mental dan fizikal isteri atau anak-anak mereka.

“Seseorang yang ketagihan judi juga tidak fokus dan kerap diberhentikan kerja,” jelasnya.

Beliau menasihatkan kaki judi berjumpa kaunselor untuk membantu menghilangkan tabiat buruk mereka.

“Sesi kaunseling boleh membantu melihat alternatif-alternatif yang boleh mengatasi ketagihan tersebut.

“Selain itu, mematuhi ajaran agama juga boleh menghalang seseorang untuk melakukan perkara yang diharamkan seperti berjudi,” katanya.